

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA)**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah wujud perancangan untuk membangunkan **program khas** pembangunan sukan di negeri Melaka susulan kejayaan jurulatih sukan angkat berat melatih Hidilyn Diaz merangkul emas pertama buat negara Filipina serta kemenangan anak Melaka iaitu Aaron Chia merangkul pingat gangsa di Sukan Olimpik 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pembangunan atlet-atlet muda sering diberikan tumpuan khusus oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dalam pelaksanaan **pembangunan sukan berprestasi tinggi negara**. Pembangunan terarah kepada 16 sukan teras sebagai persediaan kontinjen negara menghadapi temasya sukan utama seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

Bagi tujuan tersebut, MSN telah menjalinkan **kerjasama yang erat** bersama Majlis Sukan Negeri untuk melaksanakan program latihan secara bersistematik kepada atlet-atlet peringkat negeri di seluruh negara yang berumur di bawah 21 tahun menerusi **Program Pelapis Negeri**. Manakala, **Program Bakat** pula dilaksanakan di peringkat daerah di mana merupakan proses pendedahan latihan awal ke atas bakat-bakat muda berumur di antara 13 hingga 15 tahun.

Program Pelapis Negeri dan Bakat adalah **program pembangunan jangka panjang** yang berterusan agar negara sentiasa mempunyai bakat-bakat baharu yang mampu menggantikan atlet senior di masa hadapan. Atlet-atlet yang terpilih menjalani latihan di bawah Program Pelapis Negeri dan Bakat ini merupakan **bakat-bakat baharu** yang berkualiti untuk digilap ke peringkat tertinggi.

Bagi tahun **2021**, seramai **6,738** orang atlet, **413** orang jurulatih daripada **313** buah Pusat Latihan Negeri (PLN) menjalani latihan secara separa masa di bawah **Program Pelapis Negeri** manakala **2,293** orang atlet, **175** orang jurulatih di **162** buah Pusat Latihan Daerah (PLD) turut menjalani latihan di bawah **Program Bakat** di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, **Melaka** mempunyai seramai **437** orang atlet, **31** orang jurulatih daripada **18** buah Pusat Latihan Negeri (PLN) yang sedang menjalani latihan di bawah **Program Pelapis Negeri menerusi 15 jenis sukan**. Manakala seramai **159** orang atlet, **13** orang jurulatih di **12** buah Pusat Latihan Daerah (PLD) pula menjalani latihan di bawah **Program Bakat (lapan (8) jenis sukan)**. Kedua-dua program ini dikawal selia oleh Majlis Sukan Negeri Melaka bersama Persatuan Sukan Negeri Melaka dengan pemantauan MSN.

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan **Program Projek Khas** iaitu Program Pembangunan Bolasepak Negara (NFDP), Program Pembangunan Hoki Negara (NHDP) dan Program Pembangunan Ragbi Negara (NRDP) di seluruh negara termasuk Negeri Melaka.

## SOALAN NO : 26

Hasil pelaksanaan Program Pelapis sejak dari tahun 2006, beberapa atlet **anak watan Negeri Melaka telah mengharumkan nama negara** di temasya sukan utama diantaranya ialah Aaron Chia, Goh Soon Huat, Ong Yew Sim, Goh Liu Ying, Lee Meng Yean (Badminton), Khairul Hafiz Jantan, Badrul Hisyam Abdul Manap (Olahraga), Tracie Ang, Tan Ing Yueh (Gimnastik Artistik), Jonathan Wong Guanjie (Menembak), Mohd Juwaidi Mazuki, Iman Aishah Norazam (Memanah), Chai Fong Ying, Chai Fong Wei, Wong Weng Soon, Sydney Chin Sy Xuan (Wushu), Magdelene Low Phey Chyi, Tai Chia Qian (Bola Keranjang).

Pihak Kementerian akan meneruskan kesinambungan pelaksanaan program-program pembangunan sedia ada di peringkat negeri dan daerah dengan beberapa penambahbaikan yang akan dilakukan bagi mengimbangi program latihan yang telah terjejas sepanjang tahun 2020 dan 2021 ini akibat pandemik Covid-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG (ISKANDAR PUTERI)**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis telah mengheret seorang warga emas dari Negeri Sembilan ke Kedah untuk siasatan ke atas kritikan beliau terhadap Menteri Besar Kedah, terutamanya semasa wabak COVID-19 sedang menular dengan meluas.

**AWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Satu (1) laporan polis berkait Merbok rpt 1140/2021 telah dibuat ke atas pemilik akaun *facebook* yang didapati mengeluarkan kata-kata kesat terhadap YAB Menteri Besar Kedah Tuan Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor. Kes telah disiasat di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan (Ugutan Jenayah), Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Hasil siasatan, pemilik akaun tersebut menetap di Negeri Sembilan. Bagi melengkapkan siasatan, pemilik akaun tersebut perlu dibawa ke Kedah untuk siasatan lanjut.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa akan memastikan Standard Operating Procedure (SOP) dipatuhi semasa melaksanakan sebarang siasatan.